Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019.**
- **Inflasi keseluruhan menurun pada suku keempat manakala inflasi teras kekal stabil.**
- **Lebihan akaun semasa mengecil kepada RM7.6 bilion (2.0% daripada PNK).**

Ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019 (S3 2019: 4.4%). Peningkatan ini disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi (7.4%; S3 2019: 5.4%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan telah terjejas oleh kemerosotan eksport bersih. Dari segi penawaran, pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan telah diimbangi gangguan bekalan dalam sektor komoditi. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi berkembang sebanyak 0.6% (S3 2019: 0.9%). Bagi keseluruhan tahun 2019, ekonomi mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% (2018: 4.7%).

Pertumbuhan berterusan pada S4 2019

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penguncupan yang lebih kecil dalam pembentukan modal tetap kasar

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan dan penanaman modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan

Pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri, dalam keadaan prestasi eksport bersih yang lemah. Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 4.9% (S3 2019: 3.5%), dipacu oleh aktiviti sektor swasta yang lebih menggalakkan.

Pertumbuhan penggunaan swasta meningkat kepada 8.1% (S3 2019: 7.0%), didorong oleh pertumbuhan positif dalam pendapatan dan guna tenaga. Peningkatan penggunaan swasta telah disokong oleh perbelanjaan yang berterusan terhadap barangan keperluan asas seperti makanan dan pengangkutan, dan perbelanjaan berkaitan dengan riadah seperti restoran dan hotel, serta perkhidmatan rekreasi.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 1.3% (S3 2019: 1.0%), disokong oleh pertumbuhan perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi. Perbelanjaan Kerajaan ke atas bekalan dan perkhidmatan terus menurun tetapi pada kadar yang lebih kecil.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 0.7% (S3 2019: -3.7%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang lebih tinggi. Dari segi jenis aset, pelaburan dalam struktur dan juga jentera dan kelengkapan menjadi bertambah baik, dengan pertumbuhan masing-masing sebanyak 0.1% (S3 2019: -2.4%) dan -2.6% (S3 2019: -7.4%). Pelaburan dalam struktur disokong oleh pelaksanaan projek kejuruteraan awam dan pemulihan dalam segmen kediaman.

Pelaburan swasta meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 4.2% (S3 2019: 0.3%), dipacu terutamanya oleh pelaburan yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Khususnya, perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam perkhidmatan pengangkutan dan perkilangan berkaitan pembinaan telah menyumbang kepada prestasi pertumbuhan.

Pelaburan awam mencatatkan kemerosotan lebih kecil sebanyak 7.7% (S3 2019: -14.1%). Hal ini disebabkan oleh penguncupan lebih kecil dalam perbelanjaan modal perbadanan awam dalam keadaan pelaburan Kerajaan Am yang lemah.

Pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan diimbangi oleh gangguan bekalan dalam sektor komoditi

Sektor perkhidmatan meningkat pada kadar yang lebih pantas (6.1%; S3 2019: 5.9%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan berkaitan pengguna yang teguh, terutamanya dalam subsektor makanan dan minuman serta penginapan, dan juga kenderaan bermotor. Subsektor kewangan dan insurans mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh peningkatan pendapatan berasaskan fi. Permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan komunikasi data menyumbang kepada pertumbuhan subsektor maklumat dan komunikasi, sementara pertumbuhan yang berterusan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan sebahagian besarnya disokong oleh aliran trafik penumpang udara dan aktiviti berkaitan dengan pelabuhan.

Pertumbuhan sektor perkilangan menjadi sederhana (3.0%; S3 2019: 3.6%). Pengeluaran E&E telah terjejas berikutan permintaan global terhadap separa konduktor yang terus lemah. Gangguan pengeluaran dalam sektor komoditi juga telah memberikan kesan negatif ke atas kegiatan perkilangan hiliran. Pertumbuhan dalam kelompok berkaitan pengguna lebih lemah disebabkan terutamanya oleh penguncupan pengeluaran kelapa sawit. Dalam kelompok berasaskan sumber, pertumbuhan menjadi sederhana berikutan penutupan loji penapis minyak hiliran yang utama dan aktiviti pencecairan gas yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan yang sederhana ini telah ditampung oleh permulaan operasi loji penapisan minyak yang besar dan loji pengeluaran petrokimia di Johor.

Setelah mencatatkan pertumbuhan positif pada tiga suku pertama tahun 2019, sektor pertanian menguncup pada suku keempat (-5.7%; S3 2019: 3.7%). Penguncupan ini disebabkan oleh kemerosotan pengeluaran kelapa sawit akibat keadaan cuaca kering yang teruk serta pengurangan penggunaan baja pada awal tahun 2019.

Kebanyakan sektor terus berkembang, manakala sektor perlombongan dan pertanian menguncup

Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Rajah 8: KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan lebih rendah berikutan luputnya kesan daripada pelaksanaan SST

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

[2] Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan sektor perlombongan merosot pada kadar yang lebih perlahan (-2.5%; S3 2019: -4.3%), mencerminkan penguncupan lebih kecil dalam pengeluaran minyak memandangkan pengeluaran telah kembali pulih secara beransur-ansur selepas selesainya kerja-kerja penyelenggaraan besar-besaran pada suku sebelumnya. Pengeluaran gas asli merosot akibat terjejas oleh penutupan sementara loji pengeluaran.

Sektor pembinaan kembali pulih (1.0%; S3 2019: -1.5%) pada suku keempat. Pemulihan ini disebabkan terutamanya oleh prestasi subsektor kediaman yang bertukar positif hasil daripada aktiviti dalam sektor perumahan mampu milik. Aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam juga meningkat, disokong oleh projek pengangkutan yang besar. Di samping itu, pertumbuhan lebih tinggi dalam subsektor perdagangan khas telah didorong terutamanya oleh projek tenaga suria yang sedang dilaksanakan serta kerja-kerja pemasangan dan peringkat akhir bagi penyiapan projek petrokimia dan projek pembangunan pelbagai. Walau bagaimanapun, subsektor bukan kediaman terus menguncup berikutan keadaan bekalan harta tanah komersial yang masih berlebihan.

Inflasi keseluruhan menurun berikutan luputnya kesan pelaksanaan SST

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.0% pada suku keempat 2019 (S3 2019: 1.3%). Kadar inflasi yang lebih rendah ini terutamanya mencerminkan luputnya kesan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*, SST). Inflasi bahan api terus menyumbang secara negatif kepada inflasi memandangkan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik terus dikekalkan.

Inflasi teras kekal stabil pada 1.4% memandangkan tiada tekanan permintaan yang besar dalam ekonomi dan pengembangan upah sektor swasta yang sederhana.

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada suku keempat. Pertumbuhan guna tenaga meningkat (2.2%; S3 2019: 2.1%), manakala kadar pengangguran pula lebih rendah pada 3.2% (S3 2019: 3.3%), apabila pertambahan guna tenaga melebihi pengembangan tenaga kerja pada suku tersebut.

Upah sektor swasta meningkat sedikit kepada 3.9% (S3 2019: 3.8%), didorong oleh peningkatan upah yang kukuh dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Upah bagi perkhidmatan persendirian meningkat sebanyak 4.2% (S3 2019: 4.1%), disokong oleh pertumbuhan upah dalam subsektor perdagangan borong dan runcit (3.7%; S3 2019: 3.6%) dan subsektor pengangkutan dan penyimpanan (2.8%; S3 2019: 2.6%). Dalam sektor perkilangan, upah berkembang sebanyak 3.3% (S3 2019: 3.2%), disebabkan terutamanya oleh upah yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya makanan, minuman dan tembakau (3.9%; S3 2019: 2.4%) dan juga keluaran mineral bukan logam dan produk logam (3.0%; S3 2019: 1.9%). Walau bagaimanapun, upah dalam industri E&E menjadi sederhana (3.8%; S3 2019: 4.1%) disebabkan oleh permintaan yang berterusan lemah terhadap keluaran E&E.

Pertumbuhan guna tenaga yang lebih kukuh

Rajah 10: Pertumbuhan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah sektor swasta meningkat sedikit

Rajah 11: Upah Sektor Swasta*



* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data ini merangkumi 62.9% daripada jumlah guna tenaga.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Eksport perkilangan dan komoditi merosot dengan lebih ketara

Rajah 12: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan yang semakin perlahan daripada ekonomi serantau

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport merosot manakala import menguncup dengan lebih perlahan

Pada suku keempat 2019, eksport kasar merosot 3.3% (S3 2019: -1.9%), disebabkan oleh eksport perkilangan dan komoditi yang merosot. Import kasar menguncup dengan lebih perlahan pada 4.0% (S3 2019: -5.8%), disebabkan terutamanya oleh pemulihan import barangan pengantara dan penguncupan lebih kecil dalam import barangan modal. Lebihan perdagangan[1] meningkat kepada RM36.5 bilion (S3 2019: RM33.5 bilion).

Eksport barangan perkilangan merosot sebanyak 1.2% (S3 2019:-0.6%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport E&E (-6.5%; S3 2019: -4.9%) berikutan eksport yang lebih rendah ke AS, RR China dan ekonomi serantau. Keadaan ini sebahagiannya mencerminkan kelembapan jualan separa konduktor pada peringkat global. Sebaliknya, eksport bukan E&E terus berkembang. Eksport komoditi mencatatkan kemerosotan yang lebih besar (-14.3%; S3 2019: -10.0%) akibat penguncupan yang ketara dalam eksport gas asli cecair (-25.2%; S3 2019: 4.1%), berikutan penutupan sementara loji pengeluaran serta harga yang lebih rendah.

Pertumbuhan import barangan pengantara bertukar positif pada suku keempat (0.9%; S3 2019: -3.0%), disebabkan terutamanya oleh import barangan perindustrian yang lebih tinggi, seperti logam dan keluaran logam, serta alat ganti dan aksesori barangan modal. Import barangan modal merosot pada kadar yang lebih kecil (-8.9%; S3 2019: -15.5%), disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap kapal maritim, kapal terbang dan kelengkapan pejabat.

[1] Perbezaan antara lebihan barangan dengan lebihan perdagangan timbul berikutan pengecualian barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran dalam akaun barangan seperti yang terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (*Balance of Payments and International Investment Position Manual*, BPM6) IMF.

Lebihan akaun semasa berkurang

Lebihan akaun semasa imbangan pembayaran berjumlah RM7.6 bilion atau 2.0% daripada PNK pada suku keempat 2019 (S3 2019: RM11.5 bilion atau 3.1% daripada PNK). Walau bagaimanapun, lebihan barangan yang meningkat diimbangi defisit pendapatan dan perkhidmatan yang lebih besar.

Berikutan kemerosotan dalam import melebihi eksport, lebihan akaun barangan meningkat kepada RM32.8 bilion (S3 2019: RM30.8 bilion).

Dalam akaun perkhidmatan, defisit adalah lebih tinggi sebanyak RM4.0 bilion (S3 2019: -RM1.6 bilion) pada suku keempat. Hal ini disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam lebihan akaun perjalanan (RM6.4 bilion; S3 2019: RM9.5 bilion) berikutan jumlah ketibaan pelancong yang berkurang.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM15.7 bilion (S3 2019: -RM12.2 bilion), mencerminkan terutamanya pendapatan pelaburan terakru yang lebih tinggi kepada pelabur asing di Malaysia.

Defisit dalam akaun pendapatan sekunder berjumlah RM5.5 bilion (S3 2019: -RM5.5 bilion), mencerminkan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

Defisit pendapatan dan perkhidmatan yang lebih tinggi

Rajah 14: Imbangan akaun semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran masuk bersih dalam akaun perlaburan langsung

Rajah 15: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio disebabkan oleh pelabur pemastautin

Rajah 16: Pelaburan Portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM0.6 bilion (S3 2019: -RM1.3 bilion), disebabkan oleh aliran keluar pelaburan portfolio yang lebih rendah sementara akaun perlaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih.

Akaun pelaburan langsung kembali pulih untuk mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.2 bilion (S3 2019: aliran keluar bersih sebanyak RM0.8 bilion), mencerminkan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) yang lebih tinggi dan aliran keluar pelaburan luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) yang lebih kecil. FDI mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM3.7 bilion pada suku keempat (S3 2019: +RM2.9 bilion) dan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan bukan kewangan, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit. DIA oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM1.5 bilion (S3 2019: -RM3.7 bilion). Kebanyakan daripada aliran keluar ini disalurkan ke dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM2.8 bilion (S3 2019: -RM26.8 bilion), susulan aliran keluar yang lebih sederhana daripada pelabur pemastautin dan pelaburan portfolio bukan pemastautin yang kembali semula. Pelaburan portfolio pemastautin mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil (RM13.4 bilion; S3 2019: -RM18.9 bilion). Pelabur institusi domestik terus membuat pembelian sekuriti ekuiti di luar negeri di samping menjual beberapa pemegangan sekuriti hutang asing. Bagi pelabur bukan pemastautin, sentimen pelabur yang bertambah baik berikutan perkembangan yang positif dalam rundingan perdagangan telah mendorong aliran masuk bersih sebanyak RM10.6 bilion ke dalam pasaran sekuriti hutang domestik (S3 2019: -RM7.9 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih sedikit, sebanyak RM0.6 bilion (S3 2019: RM25.3 bilion). Hal ini mencerminkan pengeluaran pinjaman kepada sektor swasta yang hampir keseluruhannya diimbangi oleh penempatan bersih antara bank di luar negeri oleh bank pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM9.4 bilion pada suku keempat atau -2.0% daripada jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM946.3 bilion atau 62.6% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2019 (akhir bulan September 2019: RM916.4 bilion atau 60.7% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya peningkatan deposit dan pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh bukan pemastautin di samping meningkatnya peminjaman luaran oleh syarikat pemastautin. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh kesan penilaian berikutan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang asing utama dan serantau terpilih dalam tempoh tersebut.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus, berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang hutang. Hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (32.8%; akhir bulan September 2019: 32.0%), dan ini terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 64.8% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan dalam deposit ringgit (bahagian sebanyak 17.9%) dalam institusi perbankan domestik. Namun, liabiliti tersebut tidak tertakluk kepada perubahan penilaian yang mungkin timbul akibat turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri (RM635.9 bilion atau 67.2% daripada jumlah hutang luar negeri) adalah dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY). Sektor korporat mencakupi hampir separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan kebanyakannya tertakluk kepada keperluan kehematan dan perlindungan nilai supaya peminjaman sedemikian tidak menimbulkan risiko makroekonomi yang besar. Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir yang mencakupi 24.5% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY, berjumlah RM155.5 bilion pada akhir bulan Disember 2019. Hutang luar negeri ini kebanyakannya diambil oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat yang berjumlah RM89.8 bilion atau 14.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Hutang luar negeri lebih tinggi pada S4 2019

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: +RM29.9 bilion



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)



[1]Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dibayar dan faedah belum bayar bagi bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 38.6% (atau RM245.3 bilion) daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Kira-kira tiga perempat daripada peminjaman antara bank adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang kebanyakannya stabil, termasuk peminjaman daripada bank induk, pejabat serantau dan anak syarikat. Hal ini mencerminkan amalan pengurusan mudah tunai dan pendanaan berpusat oleh bank. Risiko mata wang asing, yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih pendedahan dalam denominasi FCY[2], kekal rendah pada 4.4% daripada jumlah modal bank.

Dari segi tempoh matang, 58.6% daripada jumlah hutang luar negeri lebih cenderung kepada tempoh jangka sederhana hingga panjang (akhir bulan September 2019: 57.0%), lantas menunjukkan risiko pelanjutan (*rollover risks*) yang terhad. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 41.4% daripada jumlah hutang luar negeri. Hampir separuh daripada hutang luar negeri jangka pendek merupakan peminjaman antara kumpulan dalam kalangan bank dan syarikat, yang pada amnya stabil dan pada kadar konsesi manakala 12.2% berikutnya merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport. Pada 31 Januari 2020, rizab antarabangsa berjumlah USD104.2 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[2] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau panjang bagi semua mata wang di seluruh bank.